

08/05/1998

Kenaikan kos rawatan sebabkan bilangan penghidap HIV meningkat

KUALA LUMPUR, Khamis - Kenaikan harga ubat dan kos rawatan Aids atau HIV sehingga lebih 100 peratus dikenal pasti antara punca yang menyebabkan bilangan penghidapnya meningkat sejak kebelakangan ini.

Ini menjejaskan usaha badan berkenaan itu untuk membebaskan negara daripada belunggu Aids/HIV.

Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir, berkata walaupun MAM mempunyai tabung khas untuk membiayai kos rawatan dan ubat-ubatan bagi pesakit kurang mampu iaitu sebanyak 20 peratus daripada dananya, jumlah itu tidak mencukupi kerana harga ubat yang meningkat.

"Setakat ini, kaedah terapi yang kita laksanakan berkesan untuk merawat pesakit Aids tetapi kosnya sangat mahal kerana setiap pesakit perlu membelanjakan di antara RM1,000 dan RM2,000 sebulan bagi setiap jenis ubat yang digunakan untuk kaedah rawatan itu.

"Ini menyebabkan ramai pesakit tidak mampu mendapatkan rawatan lengkap kerana harga ubat dan kos rawatan membebankan iaitu melebihi pendapatan mereka," katanya selepas merasmikan pelancaran sistem iklan melalui televisyen multimedia 'The Fridge' oleh syarikat Innovation Lights & Magic (M) Sdn Bhd di sini, hari ini.

Sistem iklan berinovatif menggunakan layar televisyen komputer yang boleh memaparkan 120 maklumat iklan baru setiap lima minit ialah yang pertama seumpamanya di negara ini dengan harga paling rendah iaitu di antara RM240 hingga RM360 sekali paparan.

Syarikat terbabit akan menyumbang sebanyak RM60 kepada tabung MAM bagi setiap iklan yang tersiar di 'The Fridge'.

Selain itu, Marina kecewa dengan sikap sesetengah hospital swasta yang tidak mahu menerima pesakit Aids/HIV untuk menjaga imej, sebaliknya meminta pesakit terbabit mendapatkan rawatan di hospital kerajaan.

"Ini satu polisi yang mengecewakan kerana tindakan mereka menyebabkan kerajaan lebih terbeban apabila banyak kes Aids/HIV dirujuk ke hospital kerajaan.

"Sepatutnya pesakit terbabit boleh mendapatkan rawatan ke mana-mana sahaja dan hospital swasta perlu menerima penyakit itu macam penyakit lain juga," katanya.

(END)